

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27

Felda sasar kumpul RM30 juta dana wakaf

Felda sasar kumpul RM30 juta dana wakaf

CHUKAI -Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Felda menyasarkan mengumpul kira-kira RM30 juta hasil sumbangan peneroka, ahli dan beberapa agensi di bawahnya menerusi Waqaf Felda menjelang akhir tahun ini.



IDRIS JUSOH

Pengerusinya, Tan Sri Idris Jusoh berkata, keseluruhan kutipan setakat 6 Oktober lepas adalah sebanyak RM25.75 juta sejak Waqaf Felda dilancarkan pada November 2021 dan jumlah itu dijangka meningkat susulan kutipan dana masih diteruskan.

“Inilah yang kita budayakan di Felda kerana kita bukan hanya mahu melihat Felda berjaya tetapi berjaya dalam keberkatan. Ini merupakan wakaf korporat bermakna ia tidak boleh diguna terus.

“Wakaf ini yang hanya boleh digunakan adalah keuntungan daripada dana tersebut dan kita akan ada satu jawatankuasa yang meneliti penggunaannya. Sebanyak 60 peratus akan dimasukkan kembali ke tabung agar ia terus berkembang manakala

selebihnya akan digunakan untuk kebajikan, pendidikan dan (bantu) kemiskinan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Jom Masuk Rancangan di Dewan Semai Bakti Felda Neram 2, Kemaman pada

Isnin.

Menurut Idris, inisiatif Sedekah RM300 di bawah Waqaf Felda yang dimulakan awal tahun ini juga berjaya mengumpul dana RM7.7 juta hasil kutipan daripada wakaf peneroka dan petugas Felda, setakat Oktober lepas.

Jelasnya, program Jom Masuk Rancangan bertujuan memberi penerangan kepada peneroka berhubung kejayaan dan pencapaian baik Felda sejak dua tahun lepas supaya mereka tidak terdedah dengan fakta-fakta yang tidak sah.

Program itu turut disusuli dengan majlis sesi penyampaian replika 'Coding and Robotic' kepada 10 sekolah di Felda wilayah Terengganu dan penghargaan kepada penyumbang wakaf tertinggi. - *Bernama*